

Diterbitkan Sejak 1982

KHAMIS 22 DISEMBEN 2011 / 26 MUHARAM 1433 H | PP11922/02/2012 (029190)

RM1.50

Melaka Hari InI | Khamis 22 Disember 2011

Rencana

19

Testimoni Kehebatan Empayar Melaka dan ‘Towering Personality’ Panglima Awang

(Naib Canselor KUIM dilantik Kerajaan Melaka sebagai Ketua Editor kedua-dua buku tersebut)

Buku ini sebagai mana biasa menerangkan kehebatan Empayar Melayu Melaka dalam bidang politik, sisoekonomi, sosio-budaya, Kesenian, Kesusastraan, Intelektual dan sistem kesultanan Melayu. Tetapi kelainan buku ini menjelaskan beberapa fakta yang dijumpai daripada sumber-sumber Portugis di antara fakta baru ialah gambar lukisan istana Sultan Melaka, semasa pemerintahan sultan Mahmud Shah yang dilakar oleh seorang pelukis yang dating ke Melaka bersama-sama rombongan Lopez De Sequira pada tahun 1508, membuktikan bahawa istana ini dibuat daripada konkrit dan kayu lengkap dengan pintu gerbang. Perjumpaan fakta baru ini mungkin boleh merubah fakta dan gambaran mengenai istana Melaka yang sering dibaaskan hingga ke hari ini.

Kehebatan buku Empayar Melaka ini juga membahaskan tradisi dan warisan sejarah yang diperturunkan dari zaman Kesultanan Melaka hingga ke hari ini dalam bentuk tangible dan intangible. Era Kerajaan Melaka juga melahirkan ligasi dan warisan dalam beberapa aspek contohnya Agama Islam. Agama ini paling ramai dianut oleh penduduk Malaysia amnya dan Melaka khususnya dan dari segi sejarah telah dianut beratus tahun.

Ini mewajarkan pembentukan Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan Agama Islam menjadi agama persekutuan. Seterusnya dalam bidang perundangan dan perlembagaan negeri Melayu seperti undang-undang tubuh negeri Johor, Pahang, Selangor dan sebagainya adalah berteraskan hukum kanun Melaka dan diubah suai setelah kedatangan British tetapi asasnya dikekalkan dengan raja-raja Melayu menjadi ketua negeri mengatasi siapa juga individu dan baginda juga menjadi ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu.


Sistem monarki yang diwarisi di zaman Melaka juga dikekalkan tetapi berubah daripada kesultanan yang mutlak kepada kesultanan yang mempunyai perlembagaan atau (constitutional monarki) raja berperlembagaan. Banyak perkara-perkara atau artikel-artikel yang dibina dalam perlembagaan persekutuan menjelaskan hak-hak istimewa, kuasa dan juga keutamaan kesultanan ini contohnya dalam perkara 38 tentang tertubuhnya majlis raja-raja Melayu dan kuasa majlis ini sistem raja berperlembagaan.

Kemuncak daripada kedaulatan dan hak-hak perlembagaan raja-raja ini terdapat dalam perkara 182 perlembagaan persekutuan di mana baginda-baginda tidak boleh di dakwa dalam mana-mana mahkammah di Malaysia.

Begitu juga mengenai bahasa, iaitu bahasa Melayu menjadi lingua franca kepada penduduk di seluruh Malaysia dan Nusantara sehingga kini penuturnya adalah paling ramai berbanding bahasa-bahasa yang lain.

Dalam konteks kontrak sosial masa ini telah dipersetuju baha Melayu sebagai bahasa kebangsaan (perkara 152) dan berhubung dengan hak keistimewaan Melayu dan bumiputera (perkara 153) di mana Yang Dipertuan Agong bertanggungjawab melindungi hak keistimewaan ini juga berdasarkan kepada fakta sejarah dan warisan di mana Melayu adalah teras atau induk kepada populasi masyarakat dan bilangannya ramai dan menjadi pengsuai serta pentadbir di peringkat negeri dan jajahan takluknya termasuk daerah dan juga kampung-kampung yang diketuai oleh penghulu atau penggawa dan ini mewajarkan pembentukan artikel 153 keistimewaan orang Melayu dan bumiputera.

Kesimpulannya buku ini memberikan pengertian kepada



da masyarakat Malaysia sekarang bahawa empayar Melayu Melaka memberi makna dan memberi kesan kepada kehidupan Malaysia pada hari ini.

Ada kalangan sarjana yang menyebut sebagai the Politic of Numbers sebuah hak-hak istimewa ini berdasarkan kepada ramainya kaum Melayu dan pribumi di Malaysia ini dan kini mencapai hampir 64 peratus.

Mengenai buku Panglima Awang, buku ini menampilkan bukti-bukti bahawa Panglima Awang atau nama asalnya Enrique berasal dari Melaka. Enrique mengikuti rombongan Ferdinand Magellan yang mati di Pulau Cebu, Filipina dan Panglima Awang melanjutkan pengembalaan mengelilingi dunia. Tujuannya adalah untuk menampilkan kehebatan seorang tokoh Melayu yang mempunyai semangat dan daya juang tinggi sehingga berjaya mengelilingi dunia dan merupakan tokoh Melayu pertama mengelilingi dunia dan ini juga boleh menjadi ikon kepada generasi kini tentang semangat juang ketahanan mental dan fizikal kebolehan menampilkan bakat dan berani menghadapi cabaran-cabaran semasa. Oleh itu adalah wajar Panglima Awang ini diungkapkan sebagai Towering Personality abad ke 16 yang boleh dicontohi oleh masyarakat Malaysia kini.

Kandungan buku ini juga bukan sahaja terkumpul daripada bukti-bukti tulisan malah dari kesan-kesan sejarah, arifak-artifak dan juga tulisan-tulisan yang bukan bercorak sejarah tetapi yang menampilkan kehebatan orang Melayu yang bernama Enrique atau nama yang diberikan oleh Nasionalis atau Novelis Melayu iaitu Harun Aminurrashid sebagai Panglima Awang.

Kerajaan Melaka mengiktiraf tokoh individu ini lalu menamakan sebatang jalan raya sebagai Jalan Panglima Awang. Kajian tentang budaya, sosial, politik dan ekonomi yang dipraktikkan oleh sesebuah negara dipengaruhi dengan pelbagai peristiwa sejarah negara tersebut. Tambahan pula, tokoh sejarah tersohor, Ibnu Khaldun mendefinisikan sejarah sebagai catatan atau maklumat tentang masyarakat manusia dan tamadun dunia. Setiap peristiwa sejarah yang berlaku secara langsung mempengaruhi amalan atau praktis sebuah institusi pada masa kini.

Contohnya, institusi kesultanan melayu pada hari ini adalah warisan kepada institusi kesultanan yang diamalkan



Oleh:
Prof Emeritus Datuk
Wira Dr. Yusoff Hashim
Naib Canselor KUIM

pada zaman terdahulu. Selain itu, setiap undang-undang dan perlembagaan yang tercatat pada hari ini turut dipengaruhi oleh peristiwa sejarah seperti termaktubnya kandungan Perlembagaan Malaysia, perkara 152; bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, perkara 153; hak keistimewaan orang Melayu dan pengsyiaran agama Islam sebagai agama rasmi negara (perkara 3) sememangnya bermula dengan sejarah Melaka abad ke-15.

Peminat Sejarah Melaka negara ini boleh mendapatkan dua buah buku Empayar Melaka, Tradis Agung Melayu & Panglima Awang@Enrique Melaka: Melayu Pertama Mengelilingi Dunia yang kini berada di pasaran.

Berikut adalah sinopsis buku Empayar Melaka Kesultanan dan Empayar Melayu Melaka merupakan permaulan suatu tradisi yang menjadi dasar pembentukan budaya politik Melayu dan Malaysia amnya. Kesultanan-kesultanan yang wujud di Malaysia sekarang mengakui adanya hubungan secara langsung atau tidak langsung dengan kerajaan tua itu. Melalui Kesultanan Melayu Melaka, suatu paduan dalam sejarah Malaysia yang agak unik akan dapat dilihat. Oleh sebab itu, dalam penulisan sejarah Malaysia, Melaka biasanya diberikan tempat yang utama dan istimewa.

Menurut catatan orang Eropah pula, Melaka pada zaman dahulu ialah pelabuhan yang terkemuka. Duar Barbosa (Portugis) misalnya, menyifatkan Melaka sebagai:

“...the richest trading port and possesses the most valuable merchandise, and most numerous shipping and extensive traffic that is known in all the world.”

Melaka menjadi pusat pertemuan antara Asia Barat dengan Asia Timur. Menurut Francois Valentijn (Belanda), pada abad ke-17 masih banyak kapal yang datang ke Selat Melaka terutamanya dari Bengal, Coromandel, Surat, Parsi, Ceylon, Jawa, Sumatera, Siam, Tonkin dan China. Kepentingan Kesultanan Melayu Melaka dalam sejarah Malaysia tidak dapat dipertikaikan lagi dan banyak tulisan tentangnya telah ditulis oleh orang luar, tetapi penyelidikan tentang Kesultanan Melayu Melaka memang belum sempurna lagi. Masalah yang agak susah untuk diatasi ialah mendapatkan bahan rujukan. Adanya rekod-rekod dinasti Ming tentang kesultanan ini memang sudah lama diketahui dan beberapa orang sarjana seperti Willem P. Groeneveldt, Hsu Yun-tsiao dan Wang Gungwu telah menulis tentang Kesultanan Melayu Melaka berdasarkan rekod Ming itu. Walau bagaimanapun, rekod Ming tentang Melaka hanya terhad pada tiga puluh tahun pertama abad ke-15. Selepas itu negeri China mengasingkan diri daripada dunia luar dan keadaan ini sangat merugikan dari segi persejerahan Kesultanan Melayu Melaka. Walaupun para sarjana sekarang dapat menggunakan rekod yang disimpan oleh Portugis, tetapi catatan orang Portugis banyak bergantung pada maklumat sekunder kerana orang Portugis hanya tiba di Melaka pada awal abad ke-16.

Namun demikian, bilangan kajian yang menggunakan rekod Portugis juga amat terbatas. Tulisan yang berwibawa dan penting pernah dihasilkan oleh Ian A. MacGregor, pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya (Singapura), pada pertengahan tahun 1950-an. Tetapi beliau telah meninggal dunia di Afrika sebelum berusia 30 tahun dan tidak sempat untuk menyelesaikan penyelidikannya. Tambahan pula, MacGregor lebih memberikan tumpuan pada kuasa Portugis di Melaka daripada tumpuan pada kerajaan Melaka tua tersebut.

>> Lihat Muka 20

>> Dari Muka 19

Testimoni Kehebatan Empayar Melaka dan "Towering Personality" Panglima Awang

Justeru, bagi mereka yang berminat dalam sejarah Malaysia, Empayar dan Kesultanan Melayu Melaka masih merupakan suatu bidang yang memerlukan huraian yang lebih mendalam. Secara umum, ramai yang mengetahui bahawa Kesultanan Melayu Melaka menduduki tempat yang istimewa dalam sejarah Malaysia. Zaman itu dianggap sebagai zaman gilang-gemilang dalam sejarah negara ini, tetapi persepsi mereka tentang masyarakat Melaka terhad pada cerita-cerita yang menarik tentang tokoh-tokoh seperti Sultan Alauddin, Tun Perak dan Hang Tuah.

Yang anehnya hingga sekarang belum ada sebuah buku ilmiah tentang Kesultanan Melayu Melaka. Tulisan R.J. Wilkinson dalam jurnal Royal Asiatic Society and Malayan Branch, masih kerap digunakan sebagai bahan rujukan utama. Tulisan-tulisan yang diselenggarakan lebih kurang 40 tahun kebelakangan ini tidak banyak dibaca oleh guru dan murid di sekolah kerana tulisan yang berbentuk ilmiah biasanya diterbitkan dalam majalah akademik yang jarang-jarang dibaca oleh orang ramai.

Lantaran itu persepsi umum tentang Kesultanan Melayu Melaka lebih tertumpu pada perkara yang agak menonjol seperti perang dan pemerintahan atau peristiwa yang dramatis. Kesultanan Melayu Melaka diingati kerana kesultanan tersebut dibanggakan oleh generasi sekarang. Tidak ramai yang menyatakan tentang kaitan antara kerajaan tua itu dengan masyarakat Malaysia masa kini.

Sedikit sebanyak ahli sejarah Barat generasi dahululah yang bertanggungjawab mewujudkan salah saham tentang latar belakang sejarah negara ini. Dalam buku-buku sejarah Malaysia dahulu, pengarang-pengarang Barat memberikan tempat yang sewajarnya pada sejarah Kesultanan Melayu Melaka, tetapi bagi zaman selesa jatuhnya negeri Melaka, perkara yang diutamakan ialah hadirinya kuasa-kuasa Barat di negara ini – Portugis, Belanda dan British. Mereka hanya kembali kepada masyarakat peribumi menjelang kemerdekaan.

Tidak banyak disebutkan tentang sejarah kerajaan-kerajaan Melayu kecuali apabila ada pertembungan antara kerajaan Melayu dengan kuasa-kuasa asing, misalnya, Kedah dengan Francis Light, Johor dengan Stamford Raffles dan Negeri-Negeri Melayu Utara dengan kuasa Siam. Sejarah Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang pula dibincangkan dalam konteks campuran British. Orang yang cuba meneliti dan menganalisis masyarakat Melayu dahulu ialah ahli antropologi sosial dan bukan ahli sejarah.

Oleh yang demikian, penuntut sejarah mempunyai pengetahuan yang ceteck tentang sifat dan proses perkembangan masyarakat. Mereka menganggap sejarah sebagai suatu kumpulan cerita yang menarik tetapi tidak begitu berguna kerana cerita hanya bertujuan untuk menghibur. Sebenarnya sejarah bukanlah disiplin yang remeh-temeh. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan memang ada ahli sejarah yang bermutu dan ahli sejarah yang sederhana. Sejarah merupakan asas bagi manusia untuk memahami alam sekitarnya. Tanpa pengetahuan sejarah, mustahil untuk manusia memahami segala-gala yang berlaku di sekelilingnya sama ada gejala-gejala itu bersifat politik, ekonomi atau sosial.

Masyarakat di dunia ini hanya dapat difahami berasaskan peradabananya. Sambutan sesebuah masyarakat terhadap sesuatu yang baru sama ada ideologi, sistem ekonomi atau amalan budaya banyak dipengaruhi oleh sifat peradaban aslinya. Yang membekalkan orang Jepun dengan orang Thai bukanlah teknologi tetapi peradaban. Sehingga sekarang cara hidup orang Jerman berbeza daripada cara hidup orang Inggeris kerana pengaruh peradaban walau pun kedua-dua negara tersebut telah lama mengalami revolusi perindustrian.

Oleh yang demikian, untuk memahami masyarakat Melayu zaman sekarang, peradaban Melayu yang awal perlu diambil berat. Harus diakui bahawa peradaban Melayu bermula lebih awal daripada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Tetapi pada zaman itu banyak perubahan penting telah berlaku. Yang penting sekali ialah kedatangan agama Islam.

Agama Islam telah membentuk semula masyarakat Melayu. Amalan kebiasaan yang lama tidak sama sekali dihapuskan. Suatu proses sintesis berlaku. Kesan-kesannya agak kekal. Ini bukan pula bererti bahawa apabila teknologi moden bermula di sini pada abad ke-19, masyarakat Melayu masih bertahan dengan peradaban lama.

Tetapi sejauh mana masyarakat Melayu terpengaruh dalam budaya teknologi moden tidak akan dapat diukur sekiranya pengetahuan sekarang tentang peradaban Melayu dan proses perkembangannya tidak mendalam. Apa yang berubah atau yang tidak berubah hanya jelas jika sesuatu perbandingan yang rapi dapat dilakukan antara yang lama dengan yang baru. Tuntutan akan lebih bererti jika zaman dahulu diutamakan dan bukannya zaman hadapan kerana hakikatnya bahawa zaman dahulu telah diketahui tetapi zaman hadapan masih kabur. Manusia dapat mengambil ikhtiar daripada perkara yang diketahui



bukan perkara yang tidak diketahui. Dan segala perancangan untuk masa depan seharusnya berasaskan perkara yang sudah diketahui.

Mudah-mudahan buku ini akan memberikan ilham kepada para sartana yang lebih mudah agar memerhatikan perhatian yang lebih berat terhadap sejarah peradaban Melayu. Tidaklah memadai dengan hanya mengetahui tentang orang yang memerintah dan tokoh-tokoh zaman dahulu. Sama ada generasi sekarang berada bangga atau sebaliknya dengan kerajaan tuan adalah satu soal yang berbeza. Yang lebih penting ialah soal tradisi dan budaya; inilah yang membentuk keperibadian sesuatu bangsa dan negara. Memang banyak lagi yang dapat dituliskan tentang peradaban Melayu khususnya mengenai Empayar Melaka.

Sinopsis buku Panglima Awang@Enrique Melaka: Melayu Pertama Mengelilingi Dunia:

Kesukaran Tergambarkan dalam menyerahkan riwayat hidup seorang tokoh yang terselindung di sebalik lipatan sejarah, lebih-lebih lagi seorang hamba yang sememangnya tidak diberikan perhatian langsung dan terpinggir, Enrique Melaka atau dalam dunia kreatif Melayu lebih dikenali sebagai Panglima Awang. Cebisan fakta yang berselerak di sana-sini bagi membangkitkan aura 'wira' Melayu Melaka ini. Di British Library dan perpustakaan School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London menjadi keutan-

Barat sebagai manusia pertama mengelilingi dunia menerusi pelayaran awal pada abad ke-16. Asalnya hamba ini tawanan perang semasa misi penaklukan Melaka pada tahun 1511 oleh Portugis. Dari kemudianya dibawa ke Portugal apabila Magellan diperintah Abuquerque pulang tetapi muncul semula di Pulau Cebu, Filipina pada tahun 1521 setelah terlibat mengikuti ekspedisi mencari laluan ke Timur melalui pelayaran ke Barat Kepulauan Maluku di bawah kibaran bendera Sepanyol. Secara

teknikalnya, Panglima Awang boleh dianggap sebagai manusia pertama mengelilingi dunia dan bukannya Magellan kerana Magellan mati terburu di Pulau Mactan. Sungguhpun Enrique tidak kembali semula ke titik permulaannya di Melaka tetapi dia sampai semula ke wilayah Melayu, tempat bahawa itu di pertuturkan sebagai lingua franca. Peristiwa ini dianggap sebagai satu kejayaan yang besar jika diukur dari segi zaman peristiwa itu berlaku. Personaliti unggul ini dapat dijadikan model bagi diteladani khususnya kepada generasi muda dalam melengkapkan sahsiah diri kerana memiliki daya juang dan daya ketahanan untuk mengharungi laut yang penuh misteri itu.

Memandangkan tiada rekod khusus, maka jejak langkah Enrique Melaka ditelusuri menerusi perjalanan riwayat hidup Ferdinand de Magellan. Dalam usaha ini, pengembangan penyelidikan ini terpaksa merentas dari Timur ke Barat meliputi empat benua; menyeberang laut serta menyelongkar beberapa buah perpustakaan dan arkib besar dunia untuk mengutip cebisan-cebian fakta yang berselerak di sana-sini bagi membangkitkan aura 'wira' Melayu Melaka ini. Di British Library dan perpustakaan School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London menjadi keutan-

maan sebagai tempat rujukan utama kajian ini. Di Lisbon, Portugal pula, Arquivo Nacional, Torre do Tombo, Biblioteca Nacional dan Fundacao Calouste Gulbenkian dijejaki. Sepanyol yang menjadi pengaruh dan penaja kepada ekspedisi pelayaran Magellan dan Armada Maluku turut tidak ketinggalan diziarahi Biblioteca Nacional de Espana, Madrid, Archivo General de Indias, Perpustakaan Universidad de Seville (Fabrica de Tabaco) serta Biblioteca de Sevilla. Di Goa India pula, perpustakaan awam sama seperti di Pulau Cebu, Filipina turut dijiruk. Ufuk pengajaran ini diluaskan lagi apabila berkunjung ke negara selatan tanah air di Singapura terutama di Perpustakaan National University of Singapore dan Singapore National Library. Tidak ketinggalan di Malaysia, Arkib Negara, Perpustakaan Negara Malaysia dan juga Perpustakaan Tun Seri Lanang dan Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia juga dijadikan pilihan untuk melengkapkan kajian.

Selain itu, perjalanan mengembang ke tapak-tapak sejarah yang diunjungi Enrique serta disinggahi armada Magellan ini bails di Timur mahupun di Barat turut dikunjungi. Akhirnya pengembangan ini menjangkau beberapa lokasi di serata pelosok dunia termasuk di Cebu City, Filipina; Bandar Seri Begawan, Brunei; Kudat, Sabah; Tidore dan Ternate, Maluku, Indonesia; Goa, India; Cape Town, Afrika Selatan; Seville, Sepanyol; Lisbon, Portugal; Teluk Guanabara, Rio de Jenairo, Brazil; Rio de La Plata, San Julian, dan Rio Gallegos di Argentina serta Selat Magellan di Chille. Walau bagaimanapun, usaha besar ini tidak akan mampu dicapai tanpa pembelaian kos yang amat tinggi. Sehubungan dengan itu, ucapan terima kasih dihulurkan kepada Kerajaan Negeri Melaka khususnya Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) atas sepenuh kepercayaan, kerjasama dan lebih-lebih lagi pembelaian dana bagi memudahkan amanah ini dilaksanakan dengan jayanya.



PEMBERITAHUAN PEMBAHARUAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN/IKLAN TAHUN 2012

15 NOVEMBER 2011 - 31 DISEMBER 2011

Pembaharuan lesen boleh dibuat secara dalam talian (*on-line*) di

<http://www.elesen.mbbm.gov.my>

dan di Kaunter Jabatan Perlesenan Dan Kesihatan, MBMB

PASTIKAN ANDA TIDAK MEMPUNYAI TUNGKAGAN:-

1. Cukai Taksiran Harta MBMB
2. Sewa Gerai MBMB
3. Kompaun MBMB Dan Perbaharui
4. Permit Bangunan Sementara (PBS)

Cenderamata diberi kepada pelesen yang membayar awal

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

Beriaga Secara Sah
Bagi Mengelakkan
Di Kompaun & Denda